

27/04/2001

Demokrasi Myanmar berkembang

Dzulkfley Zanudin

MAUNG Maung Than berjalan selamba di tengah bandar raya Yangon yang terik ketika musim panas sekarang, sambil kain lonjinya, sama seperti kain pelekat, diikat kukuh pada pinggang. Sebelahnya, teman wanitanya, Aung Aung Thin tidak segan berbedak tanaka di kedua-dua belah pipi. Tanaka sejenis bedak dari geselan batang pokok tanaka pada piring tanah liat.

Kisah kain lonji dan bedak tanaka seolah-olah gambaran keadaan hidup rakyat Myanmar dari pelbagai etnik dan agama di merata pelusuk negara itu, yang masih selesa dengan keadaan mereka, biarpun dengan pelbagai tanggapan dunia luar, terutama Barat.

Lonji yang diikat mudah tetapi kemas itu menggambarkan keadaan orang Myanmar yang melakukan sesuatu ikut cara mereka sendiri, nampak longgar tetapi tetap kukuh, biarpun terpaksa mengalami banyak cabaran, sama ada cuaca atau tekanan hidup.

Begitu juga bedak tanaka yang biarpun mencomotkan muka, namun gadis dan wanita Myanmar tetap menemppek bedak sejuk semula jadi itu pada muka mereka bagi menahan bahang perit musim panas yang merimaskan itu. Namun, kesopanan mereka dan wajah semula jadi gadis pingitan Myanmar itu tetap menarik hati orang luar.

Seperti dinyatakan Setiausaha Satu Majlis Keamanan Negara dan Pembangunan (SPDC), Leftenan Jeneral Khin Nyunt, orang luar sering salah faham dan prasangka terhadap negara dan rakyat Myanmar selama ini.

Malah, penggunaan nama dan orangnya juga dikelirukan oleh penjajah Inggeris yang mengamalkan dasar pecah dan perintah untuk mencengkam negara terkenal dengan gajah dan pagoda emas itu selama 100 tahun.

Bagi menggambarkan keadaan itu, katanya, pepatah 'tidak kenal maka tak cinta' tepat menerangkan pandangan kebanyakan orang luar terhadap Myanmar yang didiami 135 pelbagai etnik yang tinggal bertaburan di seluruh negara itu.

Pada zaman silam, Myanmar, negara paling besar di Semenanjung Asia Tenggara dikenali sebagai Suvanna Bumi atau Bumi Emas berikutan tanahnya yang subur dan kaya dengan hasil sumber asli, terutama batu jed dan batu delima, selain emas.

Kedudukannya antara China dan India serta berjirankan Thailand, Bangladesh dan Laos dengan keluasan 676,577 kilometer persegi, menjadikannya sebagai negara penampakan dan pastinya berbahaya jika 'gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah'. Namun, Myanmar tetap kukuh berdiri.

Selain itu, keperitan iklim tropika tiga musim yang mencengkam, iaitu musim panas, hujan atau monsun dan sejuk bergilir empat bulan setiap musim seolah-olah menjadikan rakyat Myanmar lali dengan keadaan tidak selesa itu.

Berlatarbelakangkan suasana iklim dan cuaca itu, tidak hairanlah sejak dulu semangat perjuangan bangsa Myanmar tidak kira apa etnik mereka, sama ada Bamar yang membentuk 70 peratus rakyatnya, Chin, Kachin, Shan, Kayah, Kayin, Mon dan Rakhine tetap membara dalam jiwa mereka. Kira-kira 90 peratus penduduknya menganuti Buddha dan selebihnya Kristian, Islam, Hindu, Yahudi dan Animisme.

Tidak dinafikan kepelbagaian etnik dan sedikit sebanyak perbezaan budaya itu tetap menimbulkan masalah seperti di negara lain, namun SPDC yang mentadbir negara itu berjaya mengembalikan keamanan untuk membolehkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bernafas lega.

Pertanian, terutama tanaman padi masih menjadi nadi utama 70 peratus ekonomi Myanmar yang mengamalkan dasar eksport dulu, import kemudian bagi memastikan kebajikan rakyatnya diutamakan dulu serta mengurangkan ketegangan politik.

Namun, Khin berkata, majlis tidak bercadang untuk terus berkuasa, sebaliknya menganggap pihaknya kerajaan peralihan.

Berikutan itu, majlis itu yang bertindak sebagai Kabinet Myanmar sedia menyerahkan kuasa pemerintahan negara itu kepada kerajaan demokrasi yang sah selepas semua proses pindaan perlembagaan negara itu selesai.

SPDC juga bukannya bertindak sebuah parti politik, sekadar kerajaan peralihan dari kerajaan sosial kepada demokrasi. Sebelum itu, tentera campur tangan dalam pilihan raya 1988 bagi mengelak negara itu terus dilanda huru-hara.

Dalam satu pertemuan dengan sekumpulan wartawan Malaysia di pejabatnya di Yangon, baru-baru ini, Khin berkata, kerajaan sedia ada mahu mewujudkan kestabilan, ketenteraman undang-undang dan pembangunan ekonomi.

Lawatan seminggu itu susulan kerjasama dua hala Kuala Lumpur-Yangon bagi memberi persefahaman dan pendedahan lebih meluas mengenai keadaan sosial, ekonomi dan politik di negara masing-masing, terutama di Myanmar.

Menurut Khin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja untuk Pembangunan Kawasan Sempadan dan Kaum Nasional, dalam alaf baru sekarang, semua pihak memperkatakan soal demokrasi tetapi sebelum keadaan itu dapat diwujudkan, perlu ada asas ekonomi, ketenteraman undang-undang dan kestabilan politik.

Sejak merdeka pada 1948, Myanmar mempunyai dua perlembagaan berlainan, dengan perlembagaan kedua dihapuskan pada 1974 untuk mewujudkan Sistem Demokrasi Pelbagai Parti.

Pada 1990, sebelum kerajaan tentera mengadakan pilihan raya di negara itu, ada 237 parti politik dengan 91 daripadanya bertanding dalam pilihan raya, dan kini hanya wujud 10 parti, termasuk Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) yang terbabit dalam merangka perlembagaan baru.

Sejak Oktober lalu, pemimpin NLD, Aung San Suu Kyi, yang dituduh menjadi boneka Barat kerap berunding dengan SPDC, pimpinan Perdana Menteri, Jeneral Kanan Than Shwe, tetapi hasil perbincangan dirahsiakan sebagai syarat rundingan.

Timbalan Menteri Luar Myanmar, Khin Maung Win pula berkata setakat ini perlembagaan baru masih dirangka dengan mengambil kira ancaman segelintir kumpulan bersenjata etnik di sempadan Myanmar-Thailand.

Menurutnya, beberapa kumpulan bersenjata utama muncul semula selepas 1993 yang memerlukan saranan dan pandangan mereka diambil kira, terutama kumpulan itu kembali selepas perlembagaan dalam proses dipinda.

"Tanpa keamanan, demokrasi tidak dapat ditegakkan. Begitu juga asas ekonomi tidak dapat dikukuhkan jika rakyat tidak diajar mengenai cara berdemokrasi," katanya.

Dalam tempoh 10 tahun, majlis itu yang semakin mendapat kepercayaan rakyat di seluruh negara berjaya menarik 17 daripada 18 kumpulan bersenjata etnik untuk berdamai dengan kerajaan sedia ada berbanding kerajaan sebelum ini.

Keamanan dalam negara memberi peluang kepada Myanmar untuk mengukuhkan lagi kehadirannya dalam arena antarabangsa, terutama menerusi pentas Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean).

Myanmar mengamalkan dasar mengutamakan negara jiran di rantau ini, terutama dalam lingkungan Asean sejak menganggotainya pada 1998, walaupun usaha ke arah itu dibuat pada 1994.

Menurut Khin, Asean boleh memainkan peranan penting untuk manfaat setiap negara anggota dan keamanan rantau, terutama menerusi dasar pertubuhan, aman, bebas dan berkecuali.

Myanmar puas hati ia mengambil langkah tepat dengan menyertai Asean

selama ini dalam usaha membantu mengelak sebarang pergolakan serantau.

"Namun pencapaian terbesar kerajaan sedia ada ialah mengembalikan keamanan kepada negara ini sejak sedekad lalu, selain terus berusaha memerangi ancaman dadah, menerusi pembangunan wilayah sempadan," katanya.

Dalam hal ini, Myanmar menikmati hubungan diplomatik yang paling baik dengan Malaysia, terutama selepas kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini, Januari lalu.

Duta Malaysia ke Myanmar, Datuk Mohammad Noh, berkata ini memudahkan perdagangan dan kerjasama lain bagi memanfaatkan hubungan dua hala itu, terutama selepas peralihan sistem sosialis di negara itu pada 1980-an.

"Selama ini, seperti kerap dikatakan Dr Mahathir, Myanmar sering disalahertikan oleh dunia luar, khususnya media Barat kononnya negara itu tidak selamat dan huru-hara, padahal keadaan adalah sebaliknya," katanya.

Keadaan aman yang itu memungkinkan rakyatnya sama ada penganut Buddha, Islam atau Kristian seperti di Jalan Sule Pagoda, Yangon hidup penuh harmoni mengerjakan ibadat masing-masing dengan pagoda, masjid dan gereja teguh berdiri berhampiran satu sama lain.

Malah, kunjungan bersendirian sekitar bandar raya Yangon melihat kanak-kanak Myanmar bermain sepak takraw dan penduduknya menjamu selera atau teh panas di meja berbangku rendah membuktikan Yangon lebih selamat daripada London atau New York dari segi kegiatan jenayah berbanding bandar raya Barat itu.

Sudah tiba masanya, Barat membiarkan Myanmar membuktikan ketulusannya mengembangkan demokrasi tersendirinya itu dan akhirnya diterima sepenuhnya oleh masyarakat antarabangsa tanpa sebarang prasangka.

(END)